



KP(BS-DSR)8787/008/2/ ( 19 )  
5 Disember 2005

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/2005  
PELAKSANAAN BEKERJA LIMA HARI SEMINGGU**



Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 2005 yang bertajuk **Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu** yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005. Menurut Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut pelaksanaan Lima Hari Bekerja akan dapat memantapkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan serta menggalakkan pembelajaran berterusan dan pembangunan diri sepanjang hayat.

2. Kementerian Pelajaran turut mengambil maklum bahawa terdapat banyak program pendidikan yang bersifat akademik dan kokurikulum yang perlu dilaksanakan dalam usaha membangunkan modal insan yang benilai pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Permuafakatan Pengurusan Pendidikan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Bil.4/2005 telah bersetuju bahawa:

- 3.1 Sekolah-sekolah yang telah berjaya melaksanakan program pendidikan (akademik dan kokurikulum) dalam masa lima (5) hari bekerja hendaklah meneruskannya; dan
- 3.2 Sekolah-sekolah yang menghadapi kesulitan untuk melaksanakan program pendidikan (akademik dan kokurikulum) dalam masa lima (5) hari bekerja disebabkan faktor seperti, kekangan masa, ruang, kepakaran dan lain-lain sebab, boleh menggunakan hari Sabtu dengan syarat TIDAK melebihi dua kali Sabtu dalam sebulan.

4. Kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengenalpasti sekolah-sekolah yang menghadapi masalah untuk melaksanakan

dan memaklumkan kepada Bahagian Sekolah supaya langkah-langkah perlu boleh diambil dengan segera untuk mengatasi masalah tersebut.

5. Sisa maklumkan kandungan surat pekaliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan, Pengawas dan Guru Besar di bawah periaadbiran Y. Bhg. Datuk/Dato/Datu/Tuan/Puan.

Selain, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein  
Mentan Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Cheon Kim  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mend. Khir  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Puan Komala Devi  
Setiausaha Parlimen Kementerian
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
9. Ketua Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran